



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI KANAN PERTAHANAN**

12 JUN 2021

**MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) &
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)**

PKPD Kampung Lakai, Jelebu, Negeri Sembilan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan Kampung Lakai, Jelebu, Negeri Sembilan.

Sehingga kini, KKM telah melakukan 369 ujian saringan dan 92 daripadanya dilaporkan positif COVID-19.

KKM juga mendapati berlaku peningkatan kes dengan kadaer kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Lakai, Jelebu, Negeri Sembilan berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memutuskan rantai jangkitan dengan menghalang pergerakan masuk individu luar ke dalam kawasan ini.

PKPD Kampung Indah, Nabawan, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Indah, Nabawan, Sabah.

Sehingga kini, berlaku peningkatan kes dalam tempoh seminggu apabila sebanyak sembilan (9) kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 31 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Indah, Nabawan, Sabah berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Manggis, Kuala Penyu, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Manggis, Kuala Penyu, Sabah.

Berlaku peningkatan kes dalam tempoh seminggu apabila sebanyak tujuh (7) kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 11 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Manggis, Kuala Penyu, Sabah berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD 2 lokaliti di Tawau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan dua (2) lokaliti di Tawau, Sabah iaitu:

- Taman Kinabutan Ria
- Simpang Inderasabah

Sehingga kini, sebanyak sembilan (9) kes positif daripada 17 yang disaring telah direkodkan di Taman Kinabutan Ria manakala di Simpang Inderasabah, 12 disaring dan 11 daripadanya didapati positif COVID-19.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memutuskan rantai jangkitan dengan menghalang pergerakan masuk individu luar ke dalam kawasan ini.

PKPD Kawasan Kampung Raja, Cameron Highlands, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 melibatkan beberapa Kawasan Kampung Raja, Cameron Highlands, Pahang iaitu:

- Sungai Ikan
- Blue Valley
- Taman Matahari Cerah
- Taman Desa Corina
- Kampung Baru Kampung Raja

Sehingga kini, KKM telah melaporkan sebanyak 29 kes telah dikesan dalam tempoh dua minggu di kawasan ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa Kawasan Kampung Raja, Cameron Highlands, Pahang berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk memutuskan rantaian jangkitan dengan menghalang pergerakan masuk individu luar ke dalam kawasan ini.

PKPD Kampung Baru (SFI), Sipitang, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Baru (SFI), Sipitang, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak 29 kes positif COVID-19 telah dilaporkan hasil daripada 46 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru (SFI), Sipitang, Sabah berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut. Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD 2 lokaliti di Kota Belud, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di dua (2) lokaliti di Kota Belud, Sabah yang melibatkan:

- Kampung Tawadakan
- Kampung Kota Bungan

KKM mendapati berlaku peningkatan kes apabila sebanyak 12 kes telah dikesan dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di kedua-dua lokaliti ini.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di dua lokaliti seperti dinyatakan berkuat kuasa 14 Jun sehingga 27 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Penamatan PKPD Kampung Baru Melayu Bentong, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru Melayu Bentong, Pahang yang dijadualkan tamat pada 12 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 740 ujian saringan dan 60 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Baru Melayu Bentong, Pahang pada 12 Jun 2021 (jam 11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD FELDA Jengka 24, Jerantut, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Jengka 24, Jerantut, Pahang yang dijadualkan tamat pada 12 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 1,376 ujian saringan dan 132 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di FELDA Jengka 24, Jerantut, Pahang pada 12 Jun 2021 (jam 11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD FELDA Sahabat 40 (Kg Kembara Sakti), Tungku, Lahad Datu, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di FELDA Sahabat 40 (Kg Kembara Sakti), Tungku, Lahad Datu, Sabah yang dijadualkan tamat pada 13 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 48 ujian saringan dan lima (5) daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di FELDA Sahabat 40 (Kg Kembara Sakti), Tungku, Lahad Datu, Sabah pada 13 Jun 2021 (jam 11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Kampung Padawan, Papar, Sabah

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Padawan, Papar, Sabah yang dijadualkan tamat pada 13 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 267 ujian saringan dan 10 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Kampung Padawan, Papar, Sabah pada 13 Jun 2021 (jam 11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD 3 kawasan perumahan Mukim Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga kawasan perumahan Mukim Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan yang dijadualkan tamat pada 13 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 670 ujian saringan dan 95 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di 3 kawasan perumahan Mukim Juasseh, Kuala Pilah, Negeri Sembilan pada 13 Jun 2021 (jam 11.59 malam), seperti yang dijadualkan.

Penamatan PKPD Ladang Chin Teck, Muadzam Shah, Romping, Pahang

Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Ladang Chin Teck, Muadzam Shah, Romping, Pahang yang dijadualkan tamat pada 18 Jun 2021.

Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melakukan 843 ujian saringan dan 21 daripadanya disahkan positif COVID-19.

KKM juga mengesahkan berlaku penurunan kes dan kluster adalah terkawal manakala semua kes positif telah menerima rawatan.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju menamatkan PKPD di Ladang Chin Teck, Muadzam Shah, Romping, Pahang pada 13 Jun 2021 (jam 11.59 malam), lebih awal daripada yang dijadualkan.

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 93,349 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 4,555 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 20,817 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 887 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 849 individu dikompaun manakala 38 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran/makan di premis (165)
- Individu gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (159)
- Tidak memakai pelitup muka (146)
- Tiada penjarakan fizikal (144)
- Membawa penumpang berlebihan (103)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (57)
- Aktiviti pusat hiburan (15)
- Premis gagal patuhi arahan (15)
- Lain-lain (83)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah merampas tiga (3) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu, sebanyak 151 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui lapan (8) aktiviti penglihatan.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 984 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 930 SJR
Op BENTENG PDRM	- 45 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 130 operasi sanitasi meliputi 66 zon merah, zon jingga (1) dan zon kuning (4) telah dilaksanakan di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 7,433 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 168 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 121 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 27,333 operasi sanitasi merangkumi 157 zon dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasaraya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 868 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 224,626 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 76 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,464 individu telah dikuarantin dan 213,528 orang dibenarkan pulang manakala 2,634 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 655 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barangan terdiri daripada peruncit (490), pemborong (134) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,526 pemeriksaan khas dan daripada jumlah itu, 1,505 premis mematuhi SOP manakala 21 lagi dikompaun.

Amalkan “Lockdown” sendiri. Kekal di rumah dan amalkan gaya hidup sihat bersama keluarga dalam lingkungan kawasan rumah sendiri. Terima kasih.

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**